



**PERJANJIAN USAHASAMA AKADEMIK  
DI ANTARA  
UNIVERSITI MALAYA  
MALAYSIA  
DAN  
UNIVERSITAS ANDALAS  
INDONESIA**

Perjanjian ini dibuat pada .....haribulan.....2019.

**DI ANTARA**

**UNIVERSITI MALAYA**, sebuah Universiti awam yang ditubuhkan dibawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) yang bagi maksud Perjanjian ini adalah diwakili oleh Akedemi .Pengajian Melayu (UM),yang beralamat di Lembah Pantai, 50603, Kuala Lumpur (selepas ini disebut sebagai "UM") di satu pihak;

**DAN**

**UNIVERSITAS ANDALAS**, sebuah universitas negeri, yang bagi maksud Perjanjian ini adalah diwakili oleh Fakultas Ilmu Budaya (FIB) yang beralamat di Kampus Limau Manis Padang Sumatera Barat, Indonesia (selepas ini disebut sebagai "UNAND") di pihak yang satu lagi.

UM dan UNAND selepas ini disebut secara individu sebagai "Pihak" dan secara bersama sebagai "Kedua-dua Pihak".

Kedua-dua Pihak dengan ini bersetuju seperti berikut:

## **1. OBJEKTIF PERJANJIAN**

- 1.1 Perjanjian ini dimeterai antara Kedua-dua Pihak bagi maksud menyediakan rangka kerja ke arah kerjasama dalam bidang penyelidikan dan penganjuran seminar untuk dilaksanakan bagi faedah bersama.
- 1.2 Kedua-dua Pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang penyelidikan dan pengajuran seminar berdasarkan terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini.

## **2. TEMPOH PERJANJIAN/ KONTRAK**

- 2.1 Perjanjian ini berkuat kuasa untuk tempoh selama lima (5) tahun mulai daripada tarikh perjanjian ini ditandatangani (selepas ini disebut sebagai "Tarikh Mula Kuat Kuasa") dan tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian.
- 2.2 Walau apapun tempoh kontrak yang dinyatakan dalam klausa 2.1 di atas, kedua-dua Pihak boleh melanjutkan tempoh kontrak tersebut untuk suatu tempoh melalui pemberian notis bertulis yang hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada tiga (3) bulan sebelum tarikh akhir Perjanjian.

## **3. SKOP PERJANJIAN**

- 3.1 Kedua-dua Pihak berhasrat untuk bekerjasama dalam kerja-kerja penyelidikan dan penganjuran seminar (selepas ini disebut sebagai "Projek Penyelidikan dan Seminar") yang butiran terperinci mengenainya adalah seperti dinyatakan di **Apendiks A**.
- 3.2 Objektif Projek Penyelidikan dan penganjuran seminar tersebut adalah:
  - i. Mengadakan seminar dan menghasilkan penerbitan;
  - ii. Kerjasama Penyelidikan

- 3.3 Adalah dipersetujui bahawa personel yang berikut akan bertanggungjawab di dalam pelaksanaan Projek Penyelidikan tersebut bagi setiap pihak yang berkenaan:

Bagi pihak UM, Profesor Madya Dr Sabzali Musa Kahn, Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), manakala bagi pihak UNAND ialah Associate Professor Ferdinal, M.A., Ph. D., Wakil Dekan I/ Bidang Akademik (Pendidikan, Pengajaran, Penelitian dan Pengabdian kepada Masyarakat).

#### **4. OBLIGASI, TANGGUNG JAWAB DAN PERANAN UM**

- 4.1 UM dan UNAND bersetuju bahawa:

- i. Semua kos seminar ditanggung oleh tuan rumah
- ii. Tambang kapal terbang ditanggung oleh peserta.
- iii. Penginapan ditanggung oleh peserta.
- iv. Tuan rumah menyediakan pengangkutan dari lapangan kapal terbang ke hotel dan dari hotel ke tempat seminar.

#### **5. OBLIGASI, TANGGUNG JAWAB DAN PERANAN UNAND**

- 5.1 UNAND dan UM bersetuju bahawa:

- I. Semua kos seminar ditanggung oleh tuan rumah
- II. Tambang kapal terbang ditanggung oleh peserta.
- III. Penginapan ditanggung oleh peserta.
- IV. Tuan rumah menyediakan pengangkutan dari lapangan kapal terbang ke hotel dan dari hotel ke tempat seminar.

Kedua-dua Pihak juga bersetuju untuk sebarang penganjuran seminar di sepanjang tempoh Perjanjian ini akan diperincikan di dalam Appendik A.

## 6. HAK MILIK KE ATAS DAPATAN PENYELIDIKAN

6.1 Apa jua data, maklumat, dan penerbitan yang terhasil daripada pelaksanaan penyelidikan dan penganjuran seminar hendaklah menjadi hak milik bersama iaitu 50:50 di antara UM dan UNAND. Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan budaya penyelidikan yang baik, serta etika dalam kerja-kerja usahasama seperti yang ingin dilaksanakan di bawah Perjanjian ini, Kedua-dua Pihak dengan ini bersetuju bahawa:

6.1.1 Tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam perjanjian ini, Kedua-dua Pihak akan berkongsidapatan antara satu sama lain, tetapi tidak dengan mana-mana pihak ketiga yang lain. Apa jua keputusan dan dapatan yang terhasil daripada penyelidikan dan penganjuran seminar atau yang berkaitan dengan bidang kerjasama yang dilaksanakan di bawah perjanjian ini;

6.1.2 Kedua-dua Pihak boleh berkongsi dapatan antara satu sama lain apa jua artikel yang ingin dikemukakan untuk penerbitan yang terhasil daripada penyelidikan atau/dan penganjuran seminar;

6.1.3 Kedua-dua Pihak tidak akan menyebarkan apa jua data, maklumat atau penerbitan yang boleh menjejaskan Pihak yang satu lagi.

6.2 Tertakluk kepada Perjanjian ini, kedua-dua Pihak bersetuju untuk menggunakan apa jua data, maklumat atau keputusan yang terhasil dari penyelidikan atau seminar bagi maksud atau tujuan pengajaran dan penyelidikan tanpa menjejaskan kepentingan kedua-dua pihak.

6.3 Setiap Pihak akan terus memegang, hak kepunyaan ke atas semua metodologi, proses, teknik, idea, konsep, data, maklumat, keputusan penyelidikan, dan apa jua pembangunan yang Pihak tersebut telah miliki sebelum Perjanjian ini dimeterai, yang mungkin akan dikemukakan oleh kedua-dua pihak bagi maksud Perjanjian ini.

- 6.4 Penggunaan nama, logo dan/atau lambang rasmi mana-mana Pihak dalam mana-mana penerbitan, dokumen dan/atau kertas Pihak yang satu lagi adalah dilarang melainkan mendapat kelulusan bertulis terdahulu daripada Pihak tersebut.

## **7 PENDEDAHAN MAKLUMAT**

- 7.1 Mana-mana data dan maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan yang diputuskan atau dinyatakan oleh mana-mana Pihak sebagai data atau maklumat SULIT. Kedua-dua pihak hendaklah tidak mendedahkan, memaklumkan atau mengemukakan kepada mana-mana pihak ketiga, KECUALI setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pihak tersebut.
- 7.2 Jika keputusan Penyelidikan yang dijalankan di bawah Perjanjian ini ditetapkan oleh mana-mana Pihak sebagai SULIT, maka pihak yang satu lagi tidak boleh mendedahkan, memaklumkan atau mengemukakan kepada mana-mana pihak ketiga, KECUALI setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak yang satu lagi.

## **8 PENERBITAN**

Tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian ini, kedua-dua pihak mempunyai hak untuk menerbitkan, atau memberikan kebenaran untuk penerbitan, atau secara terbuka mendedahkan apa-apa maklumat atau bahan, yang berkaitan dengan atau terhasil daripada penyelidikan atau seminar yang dijalankan, bagi maksud '*non-commercial*' sahaja.

## **9. PENAMATAN**

- 9.1 Jika mana-mana Pihak didapati gagal, tanpa alasan yang munasabah, untuk melaksanakan atau menyempurnakan mana-mana obligasi atau

tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini, maka pihak yang satu lagi boleh memberikan notis bertulis kepada Pihak yang melakukan pelanggaran tersebut, dengan menyatakan pelanggarannya, dan pihak yang melakukan pelanggaran tersebut hendaklah memperbaiki pelanggaran berkenaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan notis yang berkenaan atau dalam pelanjutan tempoh yang dipersetujui oleh Kedua-dua Pihak.

- 9.2 Jika Pihak yang melakukan pelanggaran tersebut gagal memperbaiki pelanggaran yang berkenaan dalam tempoh seperti yang ditetapkan atau dalam apa-apa pelanjutan tempoh yang dipersetujui, maka Pihak yang satu lagi boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa melalui pemberian notis mengenainya kepada pihak yang melakukan pelanggaran tersebut.
- 9.3 Penamatan ini tidak menjejaskan apa-apa hak dan remedi yang telah terakru kepada mana-mana pihak sebelum penamatan. Tertakluk kepada klausa 9.4 di bawah, selepas tamat tempoh notis penamatan tersebut, Perjanjian ini, dan semua peruntukan, syarat serta termannya adalah terhenti dan tidak mempunyai kuat kuasa.
- 9.4 Klausa-klausa yang berkaitan dengan HAK MILIK KE ATAS DAPATAN PENYELIDIKAN, PENDEDAHAN MAKLUMAT dan PENERBITAN akan terus berkuat kuasa selepas tamat tempoh Perjanjian ini, sehingga dapatan Penyelidikan diterbitkan atau sehingga pemfailan paten dibenarkan (jika ada), mengikut yang mana terkemudian.
- 9.5 Dalam keadaan Perjanjian ini ditamatkan oleh mana-mana Pihak, maka Pihak yang satu lagi boleh menuntut gantirugi ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialaminya akibat daripada penamatan tersebut.
- 9.6 Walau apapun yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, mana-mana Pihak boleh menamatkan Perjanjian ini melalui pemberian notis kepada pihak yang satu lagi tidak lewat daripada satu (1) bulan sebelum tarikh tamat yang dihasratkan tanpa perlu menyatakan alasan bagi penamatan tersebut, tetapi tanpa

menjejaskan apa-apa hak dan remedi yang sedia terakru kepada mana-mana pihak sebelum penamatan tersebut.

## **10. FORCE MAJEURE**

10.1 Sekiranya berlaku sebarang keadaan di luar kawalan dan jangkaan kedua-dua pihak, iaitu seperti terjadinya peperangan, rusuhan, bencana alam dan lain-lain lagi maka Perjanjian ini akan menjadi Kontrak Terkecewa (*Frustrated Contract*) dan Perjanjian ini akan menjadi tamat dengan sendirinya **TANPA** menjejaskan hak mana-mana Pihak untuk membuat sebarang tuntutan gantirugi terhadap Pihak yang satu lagi bagi sebarang pelakuan pecah syarat yang terjadi sebelum penamatan Perjanjian ini.

10.2 Untuk mengelakkan kekeliruan, Kedua-dua Pihak boleh melaksanakan mana-mana bahagian obligasinya yang tidak terkesan dari keadaan *Force Majeure* tersebut, dan obligasi tersebut hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sementara menunggu kedudukan atau keputusan klausa ini.

## **11. TANGGUNGRUGI**

11.1 Pihak-Pihak mengakui akan menanggung rugi, membela dan mempertahankan mana-mana pekerjaanya yang terlibat dalam penyelidikan atau seminar tersebut daripada mana-mana atau kesemua liabiliti, kehilangan, kerugian dan perbelanjaan (termasuk perbelanjaan guaman) yang mungkin akan mereka tanggung akibat daripada tuntutan, permintaan, atau perintah yang boleh dibuat atau dimulakan terhadap mereka (bagi kedua-dua pihak) sama ada atas alasan kecederaan (termasuk kematian) kepada mana-mana orang atau kerosakan ke atas harta benda yang timbul akibat dari pelaksanaan Projek Penyelidikan tersebut.

## **12. PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

Sekiranya timbul apa-apa pertikaian di antara Kedua-dua Pihak mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa perjanjian ini atau hak dan

tanggungjawab pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya-

- 12.1 Kedua-dua Pihak bersetuju untuk membincangkan pertikaian tersebut terlebih dahulu bagi maksud menyelesaikannya secara baik;
- 12.2 Dalam keadaan sekiranya kedua-dua Pihak tidak mencapai sebarang persetujuan untuk menyelesaikan pertikaian yang timbul, mana-mana pihak boleh mengambil tindakan untuk merujuk pertikaian tersebut kepada mahkamah yang berkenaan.

### **13. PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG**

Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan kedua-dua pihak adalah tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.

### **14. NOTIS**

- 14.1 Apa-apa notis, permintaan, permohonan kelulusan, kebenaran, persetujuan atau apa-apa surat menyurat yang diperlukan, dibenarkan, diluluskan atau dikehendaki diberi di bawah Perjanjian ini oleh UM atau UNAND, .di mana yang berkenaan, kepada pihak yang satu lagi hendaklah diserahkan, jika disampaikan dengan tangan, atau dihantar melalui pos secara berdaftar, atau dikirim melalui telex/fax hendaklah dialamatkan seperti berikut:-

#### **14.1.1 Bagi Pihak UM:**

Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan)

Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

**(Untuk Perhatian: Profesor Madya Dr. Sabzali Musa Kahn)**



Tel: 03-79677202  
Faks: 03-7967214/7266  
Emel: sabzali@um.edu.my

#### 14.1.2 Bagi UNAND:

Wakil Dekan I/ Bidang Akademik (Pendidikan, Pengajaran,  
Penelitian dan Pengabdian kepada Masyarakat  
Fakultas Ilmu Budaya  
Universitas Andalas  
(Untuk Perhatian: Associate Professor Ferdinal, M.A., Ph. D.)

Tel: 62-751-71227  
Faks: 62-751-71227  
Emel: dean@hum.unand.ac.id

atau mana-mana alamat yang dimaklumkan secara bertulis dari semasa ke semasa oleh UM atau UNAND, menurut mana yang berkenaan, kepada pihak yang satu lagi.

## **15. PELUPUTAN HAK**

Kegagalan pihak UM atau UNAND, di mana yang berkenaan, untuk menguatkuasakan, menjalankan atau menuntut apa-apa peruntukan, hak atau remedi di bawah Perjanjian ini tidak akan terjumlah kepada suatu peluputan hak terhadap Perjanjian ini keseluruhannya atau mana-mana bahagian daripadanya.

## **16. DUTI SETEM/KOS**

Duti setem dan apa-apa kos jika ada, yang berhubung dengan penguatkuasaan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh APM, UM.

## **17. APPENDIKS/JADUAL**

Apendiks yang dilampirkan bersama Perjanjian ini hendaklah dibaca secara menyeluruh dan bersama dengan Perjanjian dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

## **18. PENYERAHAN HAK**

Tiada apa-apa hak atau obligasi yang berkaitan dengan Perjanjian ini boleh diserahkan atau dipindahkan oleh mana-mana Pihak kepada suatu pihak yang lain tanpa kebenaran atau persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Pihak yang satu lagi.

## **19. PINDAAN**

Mana-mana Pihak boleh memohon secara bertulis kepada Pihak yang satu lagi, untuk meminda atau mengkaji semula Perjanjian ini. Sebarang persetujuan untuk meminda atau mengkaji semula Perjanjian ini hendaklah dimuktamadkan secara bertulis dalam instrumen yang ditandatangani oleh Kedua-dua Pihak. Sebarang pindaan atau perubahan yang dibuat tersebut akan menjadi sebahagian daripada terma Perjanjian ini dan akan mula berkuat kuasa pada tarikh seperti yang ditetapkan oleh Kedua-dua Pihak.

## **20. KEBOLEHASINGAN**

Jika mana-mana terma Perjanjian ini didapati menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang sekarang atau undang-undang masa hadapan, kuasa terma tersebut hendaklah ditafsirkan dan dikuatkuasakan seolah-olah terma yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut tidak pernah terkandung sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini dan terma-terma lain hendaklah kekal berkuat kuasa sepenuhnya dan mempunyai kesan seolah-

seolah Perjanjian ini telah diikat tanpa terma yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut.

## **21. KESELURUHAN PERJANJIAN**


Perjanjian ini merujuk kepada persetujuan sepenuhnya Pihak-Pihak berhubung inti pati Perjanjian dan membatalkan serta menggantikan apa-apa persetujuan sebelum ini, dorongan atau syarat nyata atau tersirat, sama ada secara lisan atau secara bertulis.

## **22. MASA**

Masa di mana disebutkan dalam Perjanjian ini merupakan inti pati kepada Perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN PERKARA YANG TERSEBUT DI ATAS, PIHAK-PIHAK KEPADA PERJANJIAN INI TELAH MENURUNKAN TANDATANGAN MEREKA MASING-MASING SEPERTI BERIKUT:

Ditandatangani untuk dan bagi pihak  
**UNIVERSITI MALAYA**



**DATUK IR. (DR.) ABDUL RAHIM HASHIM**  
Naib Canselor

Ditandatangani untuk dan bagi pihak  
**UNIVERSITAS ANDALAS:**




**PROF. DR. TAFDIL HUSNI, SE., MBA.**  
Rektor

6 SEP 2019

Tarikh:.....

Tarikh:.....

Di Hadapan



**PROFESOR DR. PUTERI ROSLINA BINTI  
ABDUL WAHID**  
Pengarah

Di Hadapan



**ASSOCIATE PROFESSOR DR.  
HASANUDDIN, M.SI.**  
Dekan

## **APENDIKS A**

### **(a) Kos Seminar**

- (i) Kos seminar ditanggung oleh tuan rumah, seperti tempat seminar dan makan minum sepanjang seminar dijalankan. Honorarium ataupun cenderahati untuk ucapata akan disediakan oleh tuan rumah.

### **(b) Tambang Kapal Terbang**

- (i) Tambang kapal terbang ditanggung oleh peserta sendiri. Tuan rumah hanya menyediakan pengangkutan dari Lapangan Terbang ke hotel dan hotel ke tempat seminar.

### **(c) Kos Penginapan**

- (i) Penginapan ditanggung sendiri oleh peserta.

### **(d) Penerbitan**

- (i) Kos penerbitan hasil seminar ditanggung oleh tuan rumah.
- (ii) Editor buku yang diterbitkan melibatkan kedua-dua pihak.